



+120
negara



+1,200 pakar
teknikal



+20 jawatankuasa
teknikal



Sejak
1909

KERJASAMA ANTARABANGSA JALAN RAYA DAN PENGANGKUTAN JALAN





TOPIK-TOPIK KAMI

SEMUA TOPIK BERKAITAN JALAN RAYA DAN PENGANGKUTAN JALAN

KESELAMATAN JALAN RAYA

FUNGSI BARU JALAN RAYA

POLISI PENGANGKUTAN

DANA KEWANGAN

KESELAMATAN

PRESTASI PIHAK BERKUASA
PENGANGKUTAN

PAVEMEN

OPERASI TEROWONG

ALAM SEKITAR

KENDERAAN TERHUBUNG

STRATEGI OPERASI
DAN PENYENGGARAAN

OPERASI RANGKAIAN

PENGANGKUTAN
BARANGAN

PENCEGAHAN
DAN PENGURUSAN BENCANA

PERKHIDMATAN
MUSIM SEJUK

DAYA TAHAN

JAMBATAN

PENGANGKUTAN PINTAR

JALAN LUAR BANDAR

KERJA TANAH

MULTIMODALITI

PENGURUSAN
ASET JALAN RAYA

MOBILITI DI KAWASAN BANDAR

...



Jalan raya adalah mod pengangkutan tertua dan menyumbang kepada lebih 80% daripada mod pengangkutan di kebanyakan negara. Ia menghadapi keperluan yang semakin mencabar dari aspek permintaan pengangkutan, trend terkini, tekanan masyarakat dan pengurusan bajet kewangan yang efisien.

Para pakar, penyelidik dan pengamal di seluruh dunia giat mengkaji isu-isu yang dinyatakan bagi merangka dan seterusnya melaksanakan tindakan yang bersesuaian.

Kerjasama antarabangsa merupakan elemen yang sangat penting bagi menjayakan proses tersebut.

- **Amalan-amalan terbaik yang telah terbukti berkesan di sesebuah negara dikongsi bersama melalui mesyuarat dan kerjasama di antara ahli. Usaha ini dapat menjimatkan masa dan wang jika dibandingkan sekiranya semua perlu dimulakan daripada peringkat awal,**
- **Idea-idea asal juga boleh diperdebat, di mana ia akan mendorong ke arah percambahan idea dan konsep baru,**
- **Kerjasama seumpama itu juga membolehkan para ahli mempromosikan amalan di negara masing-masing.**

PIARC atau World Road Association (Pertubuhan Jalan Sedunia) telah ditubuhkan pada tahun **1909** sebagai platform memudahkan kerjasama antarabangsa dalam isu-isu yang berkaitan dengan jalan raya dan pengangkutan jalan. Pertubuhan antarabangsa ini tidak mempunyai **kepentingan politik dan tidak berdasarkan keuntungan**. Justeru ia membolehkan pakar-pakar jalan raya dari seluruh dunia membina jaringan rangkaian kerjasama, mengadakan perbincangan dan menerbitkan cadangan serta laporan dalam konteks pengangkutan yang bersepadu dan mapan.

Produk dan **perkhidmatan** yang kami sediakan mudah dicapai di mana fokusnya berasaskan jangkaan serta keperluan ahli-ahli pertubuhan, yang terdiri daripada kebanyakannya badan kerajaan lebih daripada 120 buah negara.



MISI KAMI


MENYEDIAKAN FORUM ANTARABANGSA YANG TERBAIK UNTUK MENGANALISIS DAN MEMBINCANGKAN ISU YANG BERKAITAN DENGAN JALAN RAYA DAN PENGANGKUTAN JALAN

- Kongres Jalan Sedunia, diadakan setiap empat tahun sejak tahun 1908
 - Abu Dhabi (Emiriah Arab Bersatu) pada tahun 2019;
 - Prague (Republik Czech) pada tahun 2023.
- Kongres Jalan Antarabangsa Musim Sejuk
 - Gdansk (Poland) pada tahun 2018;
 - Calgary (Kanada) pada tahun 2022
- 1,200 pakar antarabangsa
- Keanggotaan lebih daripada 20 Jawatankuasa Teknikal dan Pasukan Petugas
- Mesyuarat berkanun yang melibatkan Ahli Jawatankuasa Eksekutif dan Konsul
- Mesyuarat peringkat kebangsaan (Jawatankuasa Nasional)



PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK DAN MENYEDIAKAN AKSES YANG OPTIMA KEPADA MAKLUMAT GLOBAL

- Penerbitan laporan, boleh diperolehi secara percuma – terhad satu (1) laporan setiap bulan
- Majalah *Routes/Roads*, diterbitkan setiap sukuan tahun dalam tiga (3) bahasa
- Persidangan - Terowong, Pavemen
- Laporan ringkas (*Projek Khas*)



PELAKSANAAN USAHA BAGI FAEDAH NEGARA MEMBANGUN DAN NEGARA DALAM PERALIHAN

- Keperluan dan syarat diserapkan di dalam topik kerja
- Seminar antarabangsa – sekali setiap enam (6) minggu
- Kumpulan kerja serantau
- Mekanisme sokongan dana kewangan



MEMBANGUNKAN DAN MEMPROMOSIKAN KAEDAH BERKESAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN BERKAITAN JALAN RAYA DAN PENGANGKUTAN JALAN

- Kamus Jalan berbilang bahasa secara dalam talian
- HDM-4: perisian penyenggaraan jalan raya dan analisis pelaburan
- DG-QRAM: perisian pengurusan pengangkutan muatan berbahaya di dalam terowong
- Manual dalam talian yang bertemakan: keselamatan jalan raya, operasi terowong, pengurusan aset jalan, operasi rangkaian / pengangkutan pintar





BAGAIMANA KAMI BEKERJA?



Jawatankuasa Teknikal dan Pasukan Petugas adalah elemen PIARC yang paling utama.

PIARC mengumpulkan lebih daripada 1,200 pakar dari seluruh dunia, menjadikan ianya sebagai **rangkaian pakar jalan raya terbesar di dunia**. Skop kerja pertubuhan ini ditumpukan kepada dua (2) mesyuarat dan seminar tahunan yang diadakan di negara berpendapatan rendah atau sederhana. Hasil daripada usaha ini, laporan teknikal akan diterbitkan di mana fokusnya adalah kepada topik-topik teknikal yang telah diberikan keutamaan.

Produk utama kami boleh didapati dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Perancis dan Bahasa Sepanyol - yang merupakan tiga bahasa kerja PIARC – bahasa-bahasa lain kadangkala turut digunakan.



PERKONGSIAN

PIARC secara aktif menggalakkan perkongsian, dengan matlamat meletakkan jalan raya sebagai komponen utama dalam sistem pengangkutan, memastikan produk-produk kami dapat disebarluaskan secara meluas, menyumbang ke arah perkongsian amalan terbaik, menyediakan platform dan akses yang lebih besar kepada komuniti jalan raya, mengkoordinasikan pelan tindakan dan seterusnya merangka pelaksanaan projek secara bersama.

Jawatankuasa Nasional PIARC: pertubuhan jalan raya nasional, yang berjaya ditubuhkan di lebih daripada 40 buah negara.

Persatuan jalan raya serantau: CEDR di Eropah, AGEPAR di negara-negara Afrika yang menggunakan Bahasa Perancis sebagai bahasa perantara, REAAA di Asia, dan DIRCAIBEA di Amerika Latin.

Organisasi pembangunan termasuk World Bank, Asian Development Bank, Development Bank of Latin America, dan lain-lain.

Organisasi teknikal antarabangsa: TRB (Amerika Syarikat), International Tunneling & Underground Space Association (ITA-AITES), FISITA, dan lain-lain.



MENGAPA SERTAI PIARC?

MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM

- Acara kami
- Kerjasama dalam topik berkaitan jalan raya di peringkat antarabangsa
- Jawatankuasa Teknikal dan Pasukan Petugas
- Mengenal pasti isu-isu berkaitan jalan raya

AKSES

- Majalah *Routes/Roads*
- Perpustakaan laporan dalam talian
- Kamus jalan dalam talian PIARC
- Produk perisian PIARC

Kami menawarkan beberapa kategori keahlian: badan kerajaan nasional; pihak berkuasa wilayah; syarikat atau universiti; ahli individu.



PASUKAN PIARC

Majlis Kounsil

Bertanggungjawab dalam pengurusan Pertubuhan

Ianya terdiri daripada delegasi negara-negara ahli, dan setiap delegasi tersebut diketuai oleh Delegasi Pertama

Presiden

Dilantik oleh Majlis Kounsil

Untuk penggal 4 tahun

Jawatankuasa Eksekutif

Mengurus Pertubuhan

Dibantu oleh beberapa Suruhanjaya

Sekretariat PIARC

Menyelaras semua aktiviti yang berkaitan

Berpusat di Paris, Perancis

Pemimpin dan pakar daripada beberapa negara ahli

Kakitangan

www.piarc.org

- Muat turun penerbitan kami



- Ikuti kami di media sosial



- Langgan Buletin kami



Terjemahan disediakan oleh:
Sekretariat PIARC Malaysia

